



NEGERI JOHOR

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF JOHORE GAZETTE  
PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

Jil. 49  
No. 9

**28hb April 2005**

*TAMBAHAN No. 6  
PERUNDANGAN*

---

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976  
UNDANG-UNDANG KECIL PEMUNGUTAN,  
PEMBUANGAN DAN PELUPUSAN SAMPAH SARAP  
(PIHAK BERKUASA TEMPATAN PASIR GUDANG) (PINDAAN) 2004

## **J. P.U 19.**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 73 dan 102 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], Pihak Berkuasa Tempatan Pasir Gudang membuat, dan menurut seksyen 103 Akta tersebut Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan, undang-undang kecil berikut:

### **Nama, pemakaian dan tarikh kuatkuasa**

1. (1) Undang-undang Kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah-Sarap (Pihak Berkuasa Tempatan Pasir Gudang) (Pindaan) 2004** dan hendaklah dipakai hanya bagi Pihak Berkuasa Tempatan Pasir Gudang.

(2) Undang-undang Kecil ini hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.

### **Pindaan undang-undang kecil 2**

2. Undang-undang Kecil 2 Undang-Undang Kecil Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah-Sarap (Pihak Berkuasa Tempatan Pasir Gudang) 1989 [*J.P.U. 37/1990*] adalah dipinda-

(a) dengan memasukkan selepas takrif “buangan perindustrian” takrif baru yang berikut—

“ “buangan toksik” ertiya apa-apa unsur-unsur kimia yang boleh menyebabkan kesan sakit kepada individu atau kumpulan orang secara

terus mahupun kumulatif berpandukan sifat-sifat seperti mudah terbakar, mengakis, reaktif dan beracun.;

“buangan bukan toksik” ertinya apa-apa bahan buangan daripada sampah sarap isi rumah, sampah sarap taman, bahan buangan yang dijanakan dari proses pengilangan dan pembinaan, buangan perdagangan dan perindustrian daripada aktiviti perindustrian tidak termasuk di dalam kategori buangan toksik.”

#### **Pindaan Jadual Kedua**

3. Undang-undang Kecil ibu adalah dipinda dengan menggantikan Jadual Kedua dengan jadual baru yang berikut—

#### “JADUAL KEDUA

*[Undang-Undang Kecil 11]*

Bil.	Jenis Buangan	Berat	Bayaran	
			Minima (RM)	Maksima (RM)
1.	Buangan bukan toksik	1 tan	45.00	65.00
2.	Buangan toksik	1 tan	200.00	800.00
3.	Kenderaan usang	Kos sebenar atau kos minima RM80.00 satu kenderaan.”.		

Bertarikh

[K.T. 24/69/28; PUNJ. Bil.(PU 2)7 Jld. 2(31)]

TAN SRI DATO MOHAMAD ALI BIN HAJI HASHIM  
*Yang Dipertua*  
*Pihak Berkuasa Tempatan Pasir Gudang*

Disahkan

HAIJI SALLEH BIN HAJI AHMAD  
*Jurutulis Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Johor*

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976  
REFUSE COLLECTION, REMOVAL AND DISPOSAL  
(PIHAK BERKUASA TEMPATAN PASIR GUDANG)  
(AMENDMENT) BY-LAWS 2004

IN exercise of the powers conferred by section 73 and section 102 of the Local Government Act 1976 [*Act 171*], the Pihak Berkuasa Tempatan Pasir Gudang makes, and pursuant to section 103 of the said Act, the State Authority confirms the following by-laws:

**Citation, application and commencement**

1. (1) These By-Laws may be cited as the **Refuse Collection, Removal and Disposal (Pihak Berkuasa Tempatan Pasir Gudang) (Amendment) By-Laws 2004** and shall apply only to the Pihak Berkuasa Tempatan Pasir Gudang.

(2) These By-Laws shall come into operation on the date of its publication in the *Gazette*.

**Amendment of by-law 2**

2. By-law 2 Refuse Collection, Removal and Disposal (Pihak Berkuasa Tempatan Pasir Gudang) By-Laws 1989 [*J.P.U. 37/1990*], is amended—

(a) by inserting immediately after the definition of “industrial waste” the following new definitions—

“toxic waste” means any chemical element that can cause sickness to individual or groups of people directly or cumulatively based on the nature such as easily burn, erosive, reactive and poisonous.; and

“non-toxic waste” includes any waste material from household refuse, garden refuse, waste matters generated from the process of manufacturing and construction, commercial and industrial wastes from industrial activities not including in the category of toxic waste.”

**Amendment of Second Schedule**

3. The principal By-Law is amended by substituting for the Second Schedule the following new schedule—

**“SECOND SCHEDULE**

*[By-law 11]*

No.	Type of waste	Tonnage	Fee Payable	
			Minimum (RM)	Maximum (RM)
1.	Non-toxic waste	1 ton	45.00	65.00
2.	Toxic waste	1 ton	200.00	800.00
3.	Derelict vehicle	Actual cost or minimum cost of RM80.00 per vehicle.”.		

Dated

[K.T. 24/69/25; PUNJ. Bil.(PU 2)7 Jld. 2(31)]

TAN SRI DATO MOHAMAD ALI BIN HAJI HASHIM

*President*

*Pihak Berkuasa Tempatan Pasir Gudang*

Confirmed

HAJI SALLEH BIN HAJI AHMAD

*Clerk of the State Executive Council*

*Johor*

Hakcipta Pencetak 

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
CAWANGAN JOHOR BAHRU, 2005  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA  
www.printnasional.com.my, email:pnmbjb@printnasional.com.my